

SOALAN NO. 344**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian dalam memperkenalkan Program Aturan Kerja Fleksibel atau Keseimbangan Hidup Bekerja dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperluaskan program ini dalam semua bidang pekerjaan yang melibatkan wanita.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Aturan kerja anjal atau *Flexible Working Arrangements* (FWA) dapat membantu wanita mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta mengelakkan wanita berkerjaya berhenti berkerja.

Objektif pelaksanaan *Flexible Working Arrangement* di KPWKM adalah bertujuan untuk menyediakan persekitaran *work-life balance* kepada pegawai / kakitangan KPWKM, meningkatkan kaedah pengurusan stres dalam kalangan pegawai dan kakitangan KPWKM di rumah dan tempat kerja, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas oleh pegawai dan kakitangan secara *outcome-based*.

Di bawah Bajet 2014, majikan dicadangkan supaya melaksanakan pengaturan kerja anjal yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang

ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

Selain itu, portal FlexWorkLife.my yang dilancarkan pada 8 Julai 2013 hasil kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita, KPWKM bersama TalentCorp Malaysia dan MyStarJob, berperanan menyediakan platform bagi permohonan insentif potongan cukai tambahan daripada majikan yang menyokong pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel. Portal ini juga berperanan:

- (i) memaparkan pekerjaan yang berdasarkan FWA (flexijobs);
- (ii) menyediakan repositori amalan terbaik FWA dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat; dan
- (iii) menyediakan platform permohonan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan FWA.

Di KPWKM, pelaksanaan *flexible working arrangement* atau FWA bukan sahaja dapat membantu wanita tetapi juga kepada lelaki untuk mengimbangi antara kerjaya dan komitmen keluarga.

Inisiatif FWA di KPWKM secara projek rintis ini terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan yang berprestasi 85% ke atas dan tidak terhad kepada anggota wanita sahaja.

Berhubung dengan cadangan untuk memperluaskan FWA ini ke semua bidang yang melibatkan wanita, ada dinyatakan di bawah Bajet 2014 yang mana majikan dicadangkan melaksanakan aturan kerja anjal yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti *modified compressed work week*, *flexi hours* dan *weekend work*. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan aturan kerja anjal, perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

Aturan Kerja Fleksibel telah pun dilaksanakan oleh beberapa syarikat swasta seperti PwC Malaysia, Standard Chartered Malaysia dan Agilent Technologies.

Pelaksanaan FWA ini bukan sahaja bertujuan untuk mengelakkan wanita berkerjaya daripada berhenti kerja tetapi juga dapat meningkatkan produktiviti seterusnya mewujudkan suasana yang harmoni dalam keluarga dan masyarakat.